

# Ibadat alasan elak tugas

UM 16 MAY 1984

MELAKA 15 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata terdapat pihak yang sengaja menjadikan ibadat sebagai alasan untuk mengelak dari menjalankan tugas atau bekerja.

Menurut Perdana Menteri, dalam Islam, masa ditentukan untuk ibadat-ibadat yang wajib, pencatatan ibadat kepada yang wajib dan sunat dan pencatatan masa bagi yang wajib kerana Islam mahupun agamanya mendapat masa yang lapang untuk urusan lain seperti mencari nafkah.

"Jika tugas dan kerja kita bercanggah dengan kegiatan keagamaan seperti mendengar syarahan atau zikir yang berpanjangan, sebabnya bukanlah kerana agama Islam menjadikannya kepada tugas," tegasnya.

Berucap memrasikan musabiqah membaca Al-Quran peringkat kebangsaan di Stadium Kubu di sini malam ini yang disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh RTM, Perdana Menteri mengingatkan:

"Sebenarnya, ibadat yang diwajibkan oleh Islam mudah dan singkat dan mempunyai beberapa kegunaan. Maka tidak ada sebab kenapa ibadat boleh menghalang kerja atau kerja menghalang ibadat.

"Jika ada pertembungan antara ibadat yang wajib dengan kerja kita, ini adalah perbuatan kita sendiri, sedangkan Islam tidak boleh disalahkan jika orang Islam ketinggalan dalam menuntut ilmu atau mencari nafkah."

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, surah Al-Jumu'ah ayat sepuluh memberi pengertian bahawa Islam tidak menyuruh umatnya bersembahyang sehingga tidak berhenti untuk mencari rezeki dari kurniaan Tuhan.

## Kurniaan Tuhan

Sebaliknya selepas sembahyang Jumaat pun, umat Islam disuruh pergi ke sana sini untuk mendapatkan kurniaan Tuhan iaitu hasil yang halal.

Sebelum ini Perdana Menteri mengajak umat Islam di bumi dan haiwan yang dijadikan oleh Tuhan, maka kerana negara ini menjadikan kehidupan dan kesenangan dunia perhatian ke langitlah orang Islam boleh bclayar menyembesbagai jambatan untuk mencapai kebahagiaan di akhirat.

Katanya, tuntutan Islam dalam mempelajari dan mencari ilmu pengetahuan, bukanlah setakat ilmu-ilmu yang orang Melayu akan kekal dengan kejahilan mereka," tegas mmbicarakan masalah-masalah berhubung dengan iman.

dan amal ibadat, halal haram dan sah - batal semata-mata.

"Ilmu-ilmu lain yang penting untuk kesejahteraan manusia juga dituntut oleh Islam," tegasnya.

Beliau mengingatkan walaupun ada ilmu yang boleh mendatangkan keburukan ia bukan disebabkan oleh ilmu itu sendiri, tetapi dari penyalahgunaannya.

Seperti mana sebilah pisau boleh mengukir patung dari kayu, pisau yang sama boleh juga mengukir "Laillahaillallah, Muhammadarrasullallah".

"Di sini, yang salah bukannya pisau tetapi pengukir yang mengukir patung, yang melakukan kebaikan juga yang mengukir, bukannya pisau, begitu juga dengan ilmu pengetahuan," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir Juga tertarik dengan tema musabiqah membaca Al-Quran tahun ini iaitu 'Berilmu, Berusaha Tuntutan Al-Quran' di mana terdapat beberapa kelebihan bagi orang yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi.

"Orang yang berilmu biasanya berfikir lebih maju dan rasional. Ia dapat mengatasi masalah dengan lebih mudah, sudah tentu ia dapat memberi pertolongan yang lebih wajar dan berkesan kepada masyarakatnya dan dengan demikian bukan saja ia hidup lebih bahagia tetapi masyarakat kat juga dapat menumpang berlindung dengan pengetahuannya," kata beliau.

Oleh itu, beliau menambah sudah semesti umat Islam, di samping beribadat dan selalu mengingati Allah, melengkapkan diri dengan berbagai ilmu pengetahuan dan berusaha memajukan diri sepanjang masa.

"Ingatlah kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran," tegas beliau.

Beliau berpendapat, usaha tanpa ilmu tidak akan membuahkan hasil yang baik dan kadang kala boleh membahayakan diri sendiri, demikianlah juga ilmu tanpa usaha akan menjadi beku dan tidak berfaedah.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, suruhan dan tuntutan ilmu bukan bermakna sebarang buku dan apa saja ilmu perlu dipelajari, tetapi pengetahuan yang dituntut oleh Islam ialah yang boleh membawa kepada kebaikan atau boleh memberi perlindungan kepada orang Islam.

"Al-Quran menuntut supaya kita perhatikan langit dan bumi, maka kerana negara ini menjadikan kehidupan dan kesenangan dunia perhatian ke langitlah orang Islam boleh bclayar menyembesbagai jambatan untuk mencapai kebahagiaan di akhirat. rangi lautan dan mengembangkan Islam tanpa kbolehan Katanya, tuntutan Islam dalam mempelajari dan mencari ilmu pengetahuan, bukanlah setakat ilmu-ilmu yang orang Melayu akan kekal dengan kejahilan mereka," tegas mmbicarakan masalah-masalah berhubung dengan iman.